

18/05/1999

Isu Clob diserahkan kepada Singapura

Zulkofli Jamaludin

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyerahkan kepada Singapura untuk menyelesaikan isu saham Central Limit Order Book (Clob).

Sambil menyifatkan masalah saham Clob bukan disebabkan oleh Malaysia, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia bekerjasama sekiranya republik itu mempunyai kaedah penyelesaiannya.

"Terseherahlah kepada Singapura untuk mengatasinya. Mereka yang mewujudkan Clob bukan Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pelabuhan Dunia ke-21, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir yang menjelaskan isu Clob tidak termasuk dalam pakej perundingan dua hala Malaysia-Singapura berkata, sebarang penyelesaian seharusnya tidak menjejaskan pasaran saham Malaysia.

Bursa Saham Singapura (SES) sebelum ini meminta Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bersama-sama menyelesaikan masalah saham Clob selepas mendapati tawaran sekumpulan pelabur swasta Malaysia untuk membeli saham itu baru-baru ini tidak memadai.

Penyelesaian isu itu dijangka membuka saluran yang rasmi kepada pelabur Singapura untuk melabur semula secara besar-besaran ke dalam BSKL selepas menyepi berikutan dagangan saham Malaysia di Clob dibekukan.

Sebelum ini ramai pelabur di republik itu berdagang secara tidak rasmi menerusi Clob yang diwujudkan oleh SES untuk membeli dan menjual saham Malaysia tanpa berurus dengan BSKL.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Jepun dan Singapura sudah menyatakan minat untuk membeli bon kedaulatan Malaysia.

"Banyak negara berminat untuk membeli bon. Semua orang dialu-alukan untuk membelinya," katanya mengulas mengenai sambutan terhadap bon Malaysia.

(END)